

Usahawan terjejas mulai pulih secara berperingkat

Perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang terjejas disebabkan pandemik COVID-19 dijangka kembali pulih secara berperingkat suku keempat tahun ini.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Tan Sri Noh Omar, berkata jangkaan itu berdasarkan kelonggaran diberikan oleh kerajaan untuk sektor ekonomi kembali beroperasi termasuk kebenaran rentas negeri.

Beliau berkata, apabila kebenaran rentas negeri diberikan semula, perniagaan kembali dibuka dan ia membolehkan peniaga PMKS kembali bernafas.

"Jumlah perniagaan yang terpaksa gulung tikar juga dijangka semakin berkurangan dengan langkah berterusan kerajaan, termasuk MEDAC untuk membantu memulihkan ekonomi peniaga," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan program e-Showcase Koperasi dan Usahawan Wanita (e-BizNITA) di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha MEDAC, Datuk Suriyani Ahmad; Timbalan Ketua Setia-

usaha (Pembangunan Keusahawanan) MEDAC, Datuk Zamri Salleh; Penasihat SME, Bank Islam Malaysia Bhd, Datuk Hafisah Hashim dan Yang Dipertua Persatuan Usahawan Wanita Bumiputra Malaysia (USAHANITA), Datuk Faridah A Jabbar.

Kajian yang dijalankan oleh MEDAC sebelum ini mendapati 37,415 usahawan gulung tikar dan daripada jumlah itu, 26,007 adalah mikro dan baki 2,738 adalah PKS.

Noh berkata, walaupun PMKS dijangka mulai pulih, beliau tidak menafikan masih terdapat banyak usahawan yang tidak mampu untuk meneruskan operasi atas pelbagai faktor.

"Justeru, saya sudah mengarahkan kesemua agensi di bawah MEDAC memudahkan usahawan PMKS dalam mendapatkan bantuan kewangan seperti geran dan pinjaman.

"Tidak perlu susahkan mereka dengan birokrasi. Saya sudah arahkan tidak perlu lagi melihat OCRIS atau CTOS, tetapi terus beri bantuan yang diperlukan. Ini adalah komitmen MEDAC dalam usaha memperkasakan usahawan



Noh (tengah) bersama Suriyani dan Zamri merasmikan Program e-Showcase Koperasi dan Usahawan Wanita di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aminudin Sahib/BER)

PMKS," katanya.

Mengenai e-BizNITA, Noh berkata, ia program dalam talian bagi memperkasakan perniagaan dan meluaskan penguasaan jualan usahawan wanita.

Beliau berkata, usahawan wanita mempunyai potensi untuk dimajukan serta mengorak langkah lebih jauh lagi pasca pandemik COVID-19.

Katanya, berdasarkan bancian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 2016, semakin ramai wanita dilihat menceburi bidang keusahawanan dan peratusan perniagaan milikan wanita yang berdaftar adalah 20.6 peratus atau 187,000 perniagaan daripada keseluruhan 907,065 perniagaan.

"Namun, saya yakin jumlah peratusan sebenar mungkin lebih tinggi daripada direkodkan kerana ramai lagi usahawan wanita yang berniaga secara informal

atau tidak berdaftar.

"Disebabkan itu, e-BizNITA platform terbaik mereka memperluaskan jualan secara dalam talian," katanya.

e-BizNITA berlangsung selama tujuh hari bermula 25 Oktober sehingga 31 Oktober 2021 melibatkan 286 usahawan PMKS serta koperasi wanita.

Program kali pertama dianjurkan MEDAC itu adalah kerjasama dengan semua agensinya, termasuk Pertubuhan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

e-BizNITA akan menampilkan jualan dan e-pameran produk serta perkhidmatan dalam talian selain padanan perniagaan, pembiayaan webinar dan forum.

Sebanyak 10,000 pengunjung disasarkan mengunjungi e-BizNITA dalam talian dengan unjuran jualan sebanyak RM250,000.